

07 DEC 2000

DR MAHATHIR BERBUKA PUASA DENGAN PELBAGAI LAPISAN MASYARAKAT

PUTRAJAYA, 7 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berbuka puasa bersama 250 orang dari pelbagai lapisan masyarakat di Sri Perdana di sini.

Jemputan terdiri daripada menteri Kabinet, ketua-ketua jabatan kerajaan, ahli politik, ahli akademik, tokoh korporat, pelajar institusi pengajian tinggi, ketua-ketua kampung dan juga wakil media tempatan.

Juga hadir ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Pertanian Datuk Effendi Norwawi, Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Azmi Khalid dan Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad.

Wakil media massa yang turut hadir ialah Pengerusi Bernama Datuk A. Kadir Jasin, Ketua Pengarang Bernama Jaafar Hussin, Pengarang Kumpulan New Straits Times Datuk Ahmad Talib dan Ketua Pengarang Kumpulan Utusan Melayu Datuk Khalid Mohd.

Perdana Menteri dan jemputan kemudiannya menunaikan solat Maghrib, Isyak dan Tarawih secara berjemaah.

-- BERNAMA

HS RZS RI